

Transformasi menyeluruh pendidikan sekolah kebangsaan



PENULIS TAMU

**Dr Chandra
Muzaffar**

POLITIK berasaskan pilihan raya dalam masyarakat berbilang bangsa kadangkala menjejaskan usaha ke arah perpaduan negara.

Pada masa ini kita sedang menyaksikannya berlaku di Malaysia. Dalam kehangatan persaingan menambat hati pengundi dalam pilihan raya umum akan datang, pesaing utama untuk berada di tampuk kuasa mula mengembleng seluruh tenaga dan usaha untuk menonjolkan diri mereka sebagai juara yang memperjuangkan kepentingan kumpulan etnik tertentu.

Ini amat jelas jika diamati pendekatan berkaitan pendidikan dalam bahasa Cina. Sekolah rendah aliran bahasa Cina adalah sebahagian daripada sistem persekolahan kebangsaan, tetapi kini desakan untuk memperbanyakkan sekolah menengah aliran Cina pula mula diketengahkan.

dan pandangan mereka terhadap bangsa lain? Apakah agaknya tanggapan mereka terhadap identiti Malaysia?

Ya bukan sekadar pengasingan eksklusif pendidikan Cina yang akan wujud, malah lebih kepada cabaran yang perlu kita hadapi akibat daripadanya. Ramai ibu bapa bangsa Melayu bandar kini memilih pendidikan agama Islam pada peringkat sekolah rendah dan menengah untuk anak mereka.

Dengan percambahan universiti dan kolej Islam di negara ini, mereka boleh memilih untuk meneruskan pengajian tinggi dalam persekitaran yang sebahagian besarnya monoetnik dan berteraskan agama.

Tidak salah jika di katakan bahawa ia akan memberi kesan negatif kepada hubungan antara kaum dan agama pada masa akan datang.

Terdapat perkembangan semasa lain yang juga akan memberi kesan kepada sekolah kebangsaan. Kerajaan telah membuatkan ia lebih mudah bagi rakyat Malaysia untuk mendaftarkan diri di sekolah swasta yang pada hakikatnya akan disahut hanya oleh mereka yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat.

hargaian peranan bahasa Melayu sebagai 'lingua franca' iaitu bahasa yang memudahkan komunikasi dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik – merangkumi rantau yang luas yang pada hari ini digambarkan sebagai dunia Melayu.

Ia berjaya mewujudkan semangat perpaduan budaya dan melahirkan identiti Melayu yang melampaui jaringan etnik, menjadikan bangsa Melayu sebagai antara bangsa yang paling kosmopolitan di muka bumi.

Pada zaman kontemporari, bahasa Melayu, dalam bentuk bahasa Indonesia, juga membantu membangunkan identiti kebangsaan daripada kepelbagaian etnik di Indonesia. Bahasa Melayu juga boleh memainkan peranan sedemikian di Malaysia, jika Sekolah Kebangsaan di jadikan nasional dalam erti kata sebenar.

Untuk menjadi 'nasional', sekolah berbahasa Malaysia perlu muncul sebagai sekolah pilihan pertama untuk semua rakyat Malaysia. Kualiti perlu ditingkatkan dengan ketara. Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa lain perlu diajar dengan baik seperti

mata pelajaran teras iaitu Matematik, Sains dan Sejarah.

Ibu bapa juga akan kagum dengan sekolah jika disiplin pelajar dikuatkuasakan dengan tegas dalam persekitaran penyayang.

Guru yang berwibawa dan berdedikasi akan menjadi prasyarat penting untuk sistem sekolah. Mereka bukan hanya sekadar mencurahkan pengetahuan dan kemahiran, malah juga akan cuba membentuk golongan muda di bawah jagaan supaya menjadi manusia yang jujur dan amanah. Guru perlu melayan semua pelajar, tanpa mengira latar belakang mereka, dengan adil dan saksama.

Komuniti tenaga pengajar sekolah kebangsaan seharusnya lebih berbilang kaum dan agama daripada apa yang ada sekarang. Lebih ramai bukan Melayu dan bukan Islam perlu dilantik sebagai pengetua sekolah dan penolong kanan.

Di daerah, peringkat negeri dan nasional, pejabat atau jabatan pendidikan harus mencerminkan komposisi multietnik negara. Bangsa Dayak dan Kadazan yang berkeelayakan harus diberikan peranan pentadbiran di luar Sarawak dan Sabah.

Laungan untuk sekolah menengah persendirian Cina di Kuantan adalah sebahagian daripadanya. Parti politik pembangkang mahupun kerajaan masing-masing menjadikan permintaan ini sebagai modal perjuangan.

Jika had ke atas sekolah menengah persendirian Cina yang kini berjumlah 61 buah dihapuskan, adalah dipercayai jumlah itu akan meningkat secara mendadak pada masa yang singkat.

Adakah ia akan membawa kepada kemunculan sistem Sekolah Menengah Persendirian Cina yang sejajar dengan sistem Sekolah Menengah Kebangsaan berteraskan Bahasa Malaysia? Implikasi ini satu kebarangkalian yang harus difahami dalam konteks pengiktirafan universiti di China oleh kerajaan baru ini.

Jika bangsa Cina di Malaysia melalui keseluruhan sistem pembelajaran dalam bahasa Cina, iaitu dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti, berapa banyakkah kemungkinan pendedahan yang mereka akan tempuhi dengan pelajar Malaysia dan guru daripada masyarakat lain?

Adakah ini akan menjejaskan sikap

Maka ia akan memburukkan lagi pemisahan berdasarkan kelas yang sudah lama berakar umbi dalam masyarakat kita. Segelintir rakyat Malaysia pula mahukan pihak berkuasa membenarkan pendidikan aliran Inggeris, tanpa menimbangkan kesannya terhadap sistem sekolah yang sudah sebegitu terbahagi dalam pelbagai bentuk.

Apakah ini bermakna bahawa tidak ada komitmen yang tinggi terhadap sekolah kebangsaan? Adakah sekolah kebangsaan menjadi 'anak tiri' kepada sistem pendidikan kita?

Oleh kerana Perlembagaan Malaysia mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, logiknya Sekolah Kebangsaan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utamanya harus menjadi paksi kepada sistem pendidikan kita.

Laporan Razak 1956, iaitu satu-satunya laporan pendidikan komprehensif dimiliki negara, mengakui akan perkara itu. Ia menekankan mengenai peranan sekolah kebangsaan sebagai saluran untuk menggalakkan perpaduan nasional.

Tidak ramai rakyat kita yang meng-



BIH 22/6/12 MS 9

Dalam tiga elemen komponen sistem pendidikan – pentadbir, guru dan pelajar, kemampuan perlu diiktiraf dan diberi ganjaran. Barulah sistem pendidikan dilihat menggalakkan kebolehan dan kecemerlangan yang memberi keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan



...arawak dan Sabah.
Apa yang dimaksudkan ialah dalam tiga elemen komponen sistem pendidikan – pentadbir, guru dan pelajar, kemampuan perlu diiktiraf dan diberi ganjaran. Barulah sistem pendidikan dilihat menggalakkan kebolehan dan kecemerlangan yang memberi keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Pada masa sama, sekolah kebangsaan harus menghulurkan bantuan kepada pelajar yang kurang bernasib baik, tanpa mengira fahaman agama atau latar belakang budaya.

Secara ringkasnya, transformasi keseluruhan sekolah kebangsaan perlu dilakukan Kementerian Pelajaran. Saya pasti, kementerian sedang berusaha ke arah matlamat ini. Ia adalah transformasi yang akan dijalankan seiring perubahan asas lain kepada sistem pendidikan secara keseluruhan.

Sebagai permulaan, marilah kita cuba mengurangkan impak politik pilihan raya ke atas pendidikan dan perpaduan negara.

Penulis ialah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan 1Malaysia



SEKOLAH rendah aliran bahasa Cina sebahagian daripada sistem persekolahan kebangsaan.



SEKOLAH kebangsaan sebagai saluran menggalakkan perpaduan nasional di kalangan pelajar.